

DATE: 9 AUGUST 2024

PUBLICATION: UTUSAN MALAYSIA

HEADLINE: RINGGIT BOLEH CECAH RM3.80 JIKA AS ALAMI KEMELESETAN

## Ringgit boleh cecah RM3.80 jika AS alami kelemesetan

**KUALA LUMPUR:** Ringgit boleh mencecah paras RM3.80 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) jika AS mengalami kemelesetan menyebabkan negara maju itu terpaksa menurunkan kadar faedah dengan banyak.

Pengarah Urusan Capital Dynamics Sdn Bhd., Tan Teng Boo berkata, mata wang tempatan itu juga boleh mencecah paras sedemikian seandainya ekonomi China tidak terkesan dan berkembang seperti biasa.

Beliau bagaimanapun menjangkakan ringgit untuk mengukuh di antara RM4.40 hingga RM4.50 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini.

Katanya, ini berikutan AS dijangka akan memotong kadar



**TAN Teng Boo** ketika sesi soal jawab kemelesetan dan bagaimana ini mempengaruhi Malaysia bersama media di Kuala Lumpur, semalam.

faedahnya sebelum akhir tahun ini manakala Bank Negara Ma-

laysia (BNM) akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR)

yang akan menjadikan perbezaan kadar di antara kedua-duanya semakin mengecil, sekaligus menyokong kenaikan ringgit untuk jangka panjang.

"Ringgit ketika ini sudah mengukuh tinggi daripada RM4.80 kepada RM4.50 ketika ini.

"Ini bagus kerana jika ia mengukuh terlalu laju, perniagaan Malaysia terutamanya yang mengeksport akan terjejas teruk.

"Maka, pendekatan terbaik ialah supaya mata wang tempatan mengukuh secara beransur-ansur agar pengguna dan perniagaan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ini," katanya pada sesi soal jawab ke-

melesetan dan bagaimana ini akan mempengaruhi Malaysia bersama pihak media di sini semalam.

Ketika ditanya mengapa Tesla membatalkan rancangan untuk membuka kilang atau melabur di rantau ini termasuk Malaysia, Teng Boo berkata, ia disebabkan oleh potensi AS untuk mengalami kemelesetan.

"Tesla tidak pernah berkata mahu membuka kilang di Malaysia, tetapi membuka pusat jualan di sini.

"Faktor AS yang akan mengalami kemelesetan selain jualan kereta elektrik (EV) yang merosot di negara itu menjadi punca Tesla menyusun kembali strategi mereka," katanya.